



## SIARAN MEDIA

### KPKT TERIMA TIGA SIJIL *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS* (MBOR) ATAS KEJAYAAN MENCIPTA TIGA REKOD BAHARU MBOR SEMASA PENGANJURAN HARI CUCI MALAYSIA 2024: PROGRAM PEMBERSIHAN MEGA SELURUH NEGARA

---

**PUTRAJAYA, 1 Oktober 2024** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah menerima tiga (3) sijil *The Malaysia Book of Records* (MBOR) setelah berjaya mencipta tiga (3) rekod baharu MBOR semasa penganjuran Hari Cuci Malaysia 2024: Program Pembersihan Mega Sempena *World Cleanup Day* yang berlangsung meriah di Pasar Seni, Kuala Lumpur dan 649 lokasi di seluruh negara pada 28 September 2024 (Sabtu).

Sijil MBOR ini telah diserahkan oleh Encik Christopher Wong, Ketua Pegawai Eksekutif MBOR kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming (YB KM) dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Bangunan KPKT pagi ini.

**Tiga (3) rekod baharu MBOR tersebut ialah:**

- i. *Largest Simultaneous Participation in A 'Gotong Royong* (Penyertaan paling ramai dan serentak seluruh negara). **KPKT berjaya meraih 58,007 orang peserta** melebihi sasaran awal 50,000 orang peserta. Pencapaian ini telah berjaya mengatasi rekod MBOR iaitu 35,685 peserta gotong-royong anjuran UiTM pada 29 September 2023.
- ii. *Heaviest Solid Waste Collected in A Day* (Kutipan sisa pepejal terberat). **KPKT berjaya meraih kutipan sisa pepejal sebanyak 4,645.50 tan** iaitu melebihi sasaran awal 30 tan. Rekod ini berjaya mengatasi rekod 23 tan sisa semasa program *World Cleanup Day* pada 15 September 2018 anjuran Junior Chamber International Malaysia (JCI) dan;
- iii. *Longest Non-Stop 'Gotong Royong' Cleanup Programme* (Tempoh masa gotong-royong paling lama iaitu **12 jam (8 pagi hingga 8 malam)** yang berlangsung di sekitar Kawasan Kuala Lumpur. Ini merupakan rekod baharu MBOR.

Berdasarkan kutipan sisa pepejal di seluruh negara, **Negeri Sembilan berjaya mengutip sisa pepejal paling berat iaitu 1266.00 tan, diikuti Pahang (827.01 tan); Perak (615.82 tan);** Kedah (420.28 tan); Kuala Lumpur dan Putrajaya (371.68 tan); Kelantan (300.02 tan); Sarawak (226.87 tan); Johor (211.06 tan); Terengganu (171.04 tan); Melaka (79.92 tan); Perlis (73.97 tan); Selangor (64.68 tan); Sabah (11.85 tan) dan Pulau Pinang (5.29 tan).

Penciptaan tiga (3) rekod baharu ini membuktikan kerjasama padu dan komitmen yg tinggi dari semua pihak yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Residensi PR1MA, Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), pihak konsesi, NGO, Sukarelawan, rakan strategik KPKT, pihak media serta masyarakat awam yang bersama-sama menjayakan program ini di seluruh negara.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, program gotong-royong mega ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan dan tanggungjawab menjaga kebersihan awam demi imej dan reputasi negara khususnya menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

“Pelaksanaan program ini seiring dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat. Selain daripada gotong-royong mega bersepadu, program ini juga menumpukan skop pembersihan kawasan sekitar, pembersihan dan penutupan tapak sampah haram, pelaksanaan kempen kitar semula dan kempen 'Kata Tidak Pada Beg Plastik Sekali Guna”.

Hari Cuci Malaysia ini merupakan anjuran bersama KPKT, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang turut mendapat kerjasama strategik daripada Perbadanan PR1MA Malaysia, Malakoff Corporation Berhad menerusi Alam Flora Sdn.Bhd. dan Central Market Sdn. Bhd.

Turut hadir ialah YB Timbalan Menteri, YB Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Exco-Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku wakil Kerajaan negeri; barisan Pegurusan Tertinggi KPKT, wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)